

*Kamu mengekhaskan tahun yang kelima puluh,
dan mengisyiharkan kebebasan kepada segenap
penduduk negeri. – Imamat 25:10*



HARAPAN Jubli



HARAPAN

Jubli



40-Hari Puasa & Doa 2012

(7 Ogos – 15 September)

HARAPANJubli



Perayaan Jubli bagi Malaysia bermula pada 16 September 2012 dan umat Kristian ternanti-nanti akan tahun yang hebat ini apabila Tuhan campur tangan dan mendatangkan berkat yang berlipat kali ganda kepada negara. Berdasarkan catatan sejarah dan kajian kitab Imamat 25, di bawah perjanjian Allah dengan umat-Nya Jubli ialah tahun ke-50 apabila hutang dihapuskan, hamba dibebaskan, dan tanah dikembalikan kepada pemilik asal. Oleh itu, tahun Jubli adalah suatu sistem dalam masyarakat Israel yang membawa transformasi, pembaharuan dan berkat-berkat yang memberikan harapan dan rehat kepada bangsa.

Setelah menghadapi isu-isu yang menjadi perdebatan berkaitan dengan iman Kristian dalam 12 bulan yang lalu, kita menanti sentuhan menyegarkan daripada Allah untuk menolong kita mengatasi kerisauan manusia. Kesaksamaan dan kebebasan beragama adalah faktor yang kurang sehingga ramai rakyat ingin memeriksa perlombagaan untuk mencari keadilan serta menentang ketidakadilan dan sistem yang menindas. Namun, di tengah-tengah kekecewaan ketika menghadapi serangan yang tidak henti-henti terhadap iman kita, Allah itu baik kerana Dia mencurahkan harapan dan janji Jubli atas umat Kristian. Kita memandang kepada Allah kerana kita mengetahui bahawa Dia berdaulat dan akan campur tangan apabila kita berserah dan taat kepada panggilan-Nya untuk kita di negara ini.

Allah tidak pernah gagal! Marilah kita bangkit dan berdoa untuk transformasi bagi negara ini, membangun gereja kita supaya kuat dan terlibat serta memberkati masyarakat agar kehadiran kita membawa makna. Marilah bersama-sama bersatu hati, berkongsi sumber, saling mendoakan (Kolose 1:9-12), berhenti merungut dan mula membajak ladang (Malaysia) untuk Tuhan. Apabila kita mematuhi dan menyahut cabaran Allah, Dia akan berkenan kepada kita dan sesungguhnya mencurahkan berkat Jubli-Nya ke atas negara kita, bukan hanya pada 2012 tetapi pada tahun-tahun seterusnya.

Saudara-saudari Seiman, Allah memanggil kita dari Timur dan Barat untuk membuka hati, mendengar panggilan-Nya, menerima berkat-berkat-Nya dan mengizinkan Dia menjadi Tuhan kita. Kita seharusnya mengetepikan perbezaan, berhenti mencari kesalahan dan meninjau cara-cara untuk menghormati Tuhan dengan mengasihi satu sama lain sebagaimana Dia telah berulang kali mengingatkan kita di dalam 1 Yohanes 3:11; 4:7,8,16. Adakah perkara yang terlalu sukar bagi Allah? Allah kita maha kuasa, Dia sanggup dan mahu memberkati kita apabila kita berdoa dan berserah kepada-Nya. Marilah bersukacita dan menyambut perayaan ini!

Pembentukan Malaysia



Pada 16 September 1963, empat bekas koloni British – Malaya, Singapura, Borneo Utara dan Sarawak – bergabung untuk menjadi Persekutuan Malaysia.

Selepas Perang Dunia Kedua, British mengambil keputusan untuk keluar daripada koloni-koloninya (kecuali Hong Kong), sebahagiannya disebabkan oleh tekanan daripada warga tempatan. Perbincangan untuk mengadakan gabungan politik antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, North Borneo (kini dikenali sebagai Sabah), Sarawak dan Brunei amat hangat pada tahun 1950-an dan 1960-an, tetapi hanya satu cadangan yang bertahan menghadapi cabaran ketika membincangkan terma-terma yang dipersetujui oleh semua.

MENDAPAT KEMERDEKAAN

Persekutuan Tanah Melayu ialah koloni pertama antara empat koloni yang mencapai kemerdekaan. Persekutuan ini ditubuhkan pada 1 Februari 1948 untuk menggantikan Malayan Union yang ditentang oleh ramai orang, yang ditubuh oleh British sekembalinya dari Perang Dunia 2.

Tunku Abdul Rahman menang dalam pilihan raya pertama pada 1955 dan menjadi Perdana Menteri yang pertama. Dia mengetuai satu perwakilan ke England untuk suatu perundingan selama tiga bulan untuk mendapatkan kemerdekaan. British

bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Seterusnya, Singapura mencapai kemerdekaan daripada British pada 3 Jun 1959. Apabila Ketua Menterinya yang pertama, David Marshal, gagal merundingkan perlembagaan bagi negera yang memerintah sendiri dengan pihak British, pengganti Marshal, Lim Yew Hock, berjaya dalam misi yang seterusnya.

Sir William Goode dilantik menjadi Yang di-Pertuan Negara dan Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri yang pertama bagi Singapura.

GABUNGAN POLITIK DAN EKONOMI

Beberapa orang pemimpin British dan Singapura mencadangkan gabungan politik dan ekonomi Singapura-Malaya pada tahun 1950-an tetapi pemerintah Malaya tidak berminat dengan cadangan itu.

Bagaimanapun, dalam suatu bertemuan makan tengah hari di Singapura pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman mencadangkan kerjasama yang lebih dekat dalam hal politik dan ekonomi antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, North Borneo dan Brunei. "Persekutuan Malaysia" dipromosi sebagai idea yang menguntungkan semua pihak.

RINTANGAN TERHADAP PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN

Dalam tahun yang sama ketika cadangan itu dikemukakan, Malaya dan Singapura bersetuju dengan gabungan tersebut dan mengeluarkan suatu memorandum.

Wakil-wakil daripada empat rakan kongsi bagi Persekutuan Malaysia telah membentuk Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC) dan memberikan syor-syor, antaranya: agar perlembagaan Malaya 1957 menjadi dasar perlembagaan Malaysia tetapi dengan pindaan daripada Sabah dan Sarawak; Melayu akan menjadi bahasa rasmi; Islam menjadi agama rasmi kecuali di Sabah dan Sarawak, dan Sabah serta Sarawak akan mengurus hal-ehwal imigresen mereka sendiri.

Dari 1962 sampai 1966, Indonesia di bawah Presiden Sukarno melancarkan "Konfrontasi" untuk membantah pembentukan Malaysia, dan menyatakan bahawa Malaysia ialah negeri boneka British untuk meluaskan kuasa pemerintahannya. Filipina pun membantah, dan mendakwa bahawa North Borneo adalah sebahagian negaranya.

Suruhanjaya Cobbold yang dianggotai lima orang, pergi mengkaji pendapat rakyat Sarawak dan North Borneo terhadap cadangan membentuk Malaysia. Kajian yang diadakan di antara Februari dan April 1962 mendapati bahawa antara kebimbangan

Sambung di mukasurat sebelah...

Sambungan dari mukasurat sebelum ini...

utama mereka adalah takut akan dominasi pemerintahan daripada orang Melayu, penyebaran Islam, eksplorasi sumber alam dan peminggiran budaya dan bahasa tradisi.

Pengerusi Suruhanjaya Lord Cobbold menulis bahawa Malaysia harus diakui sebagai “persatuan rakan kongsi, bergabung dalam kepentingan bersama untuk membentuk satu negara yang baru, tetapi mempertahankan keperibadian masing-masing” – dan memberikan amaran bahawa sebarang keinginan untuk menguasai Sarawak dan North Borneo untuk menghapuskan keperibadian tersendiri mereka, tidak akan disetujui dan tidak berjaya.

PERSETUJUAN UNTUK SALING MENGHORMATI

Setelah cadangan Suruhanjaya tersebut, satu Komiti Antara-Pemerintah ditubuhkan untuk memperhati perlombagaan baru dan menjaga kepentingan-kepentingan khas Borneo Utara dan Sarawak.

Usaha Malaya dan United Kingdom untuk memujuk Borneo Utara dan Sarawak supaya menyertai gabungan itu diteruskan.

Sebelum bergabung dengan Malaysia, Sarawak dan North Borneo ingin agar terma 18-perkara dan 20-perkara dipersetujui bersama. Walaupun terma-terma itu diterima, hanya sebahagian dimasukkan dalam Perlombagaan.

Ketika persetujuan terhadap Persekutuan Malaysia ditandatangani pada Julai 1963, Brunei menarik diri pada saat-saat terakhir kerana percanggahan pendapat dalam cadangan berkaitan dengan pengurusan hasil minyaknya. North Borneo bergabung sebagai negeri Sabah sementara Sarawak tetap menggunakan namanya.

Sarawak menjadi negeri berdaulat pada 22 Julai 1963 dan Tan Sri Stephen Kalong Ningkan menjadi Ketua Menteri yang pertama, sementara Sabah mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1963 dan Tun Mohd Fuad Stephens menjadi Ketua Menteri.

Malaysia sepatutnya dibentuk pada 31 Ogos 1963. Bagaimanapun, bantahan daripada Indonesia dan Filipina dan penantian akan laporan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu tentang hasil kajian pendapat umum yang kedua kali menyebabkan peristiwa bersejarah itu ditunda kepada 16 September 1963.

Pada 1965, Singapura keluar dari Malaysia.

Perisai Doa Pastor: Berdoa Setiap Hari Untuk Pastor & Pemimpin Kita

Yesus berjanji di dalam Mat 16:18 “Dengan beralaskan batu inilah, Aku akan membina jemaah-Ku. Bahkan maut pun tidak dapat memusnahkannya!” Dia telah mengamanahkan Jemaah ke dalam tangan para Pastor dan Pemimpin Gereja kita. Dia selalu memperhatikan Jemaah-Nya dan Dia telah memberikan para pastor dan pemimpin urapan yang berwibawa untuk membangunkan Jemaah yang memuliakan nama-Nya, dan menjadi tentera perkasa yang bersatu. Mereka ialah komander kita – gembala, pastor, guru, kawan, pembimbing, pengantara, mentor, penasihat kita – dan Yesus menjadi ketua. Memang mereka unggul; orang yang mempunyai kuasa dan memberikan pujian. Mereka bergerak dalam kasih, berkata-kata dalam kedamaian dan bersukacita dalam pengharapan. Namun, apabila banyak diberikan kepada mereka, maka banyak juga yang dituntut daripada mereka.

Tanda-tanda zaman akhir tidak dapat diketepikan. Terdapat perang dan khabar tentang peperangan; cabaran dan penganiayaan yang seterusnya sedang menunggu. Namun, para pastor kita harus tetap kuat, berjaga-jaga, tidak goncang dan tidak berubah pendirian. Segala sesuatu bangun dan jatuh mengikut kepimpinan. Zakharia 13:7 menyatakan “Seranglah gembala yang bekerja untuk-Ku! Bunuhlah dia supaya kawanan dombanya tercerai-cerai.” Sebagaimana nasi ialah makanan utama kita, maka doa untuk pastor kita pun seharusnya menjadi sebahagian doa kita setiap hari. Di dalam 2 Tes 3:1 kita diperingatkan untuk berdoa bagi mereka. Kita perlu mendoakan mereka dan kita akan melihat tangan Allah untuk membentuk para pastor kita.

Dengan urapan yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dan doa kita yang menyokong mereka, semoga mereka memimpin “tentera Allah” untuk menolak setiap halangan rohani dan melihat kerajaan Allah datang dan kehendak-Nya terjadi di negara kita.





Panduan untuk Berpuasa

1. Apa erti berpuasa?

Berpuasa adalah disiplin menahan diri daripada makan untuk tujuan rohani. Dalam konteks kita, kita berpuasa untuk merendahkan diri dan membuat komitmen supaya mendoakan negara kita.

2. Mengapa kita berpuasa?

Berpuasa adalah disiplin rohani yang diajarkan di dalam Alkitab. Ia juga merupakan syarat yang dikaitkan dengan janji Allah untuk memulihkan negara kita apabila kita berdoa (2 Taw 7:14).

3. Untuk apa kita berpuasa?

Selama 40 hari, kita akan berpuasa dan berdoa untuk Malaysia. Malaysia akan masuk ke dalam tahun ke-50, tahun jubli baginya, dan kita ingin melihat pemulihan serta kebebasan diberikan untuknya (Imamat 25).

4. Bagaimana kita berpuasa?

i) Buatlah komitmen.

Berdoalah dan beri komitmen untuk berpuasa mengikut pimpinan Allah untuk anda. Pastikan puasa itu selesa bagi anda dan boleh dilakukan secara fizikal. Tanyalah doktor anda jika anda makan ubat secara tetap.

Jenis-jenis Puasa

- Puasa Sayur: Berpuasa daripada daging (*makan sayur sahaja*)
- Puasa Minum: Berpuasa daripada makanan keras (*minum air atau jus sahaja*)
- Puasa Penuh: Berpuasa daripada makanan dan minuman (*tidak digalakkan untuk melebihi tiga hari*)

Berapa lama Berpuasa

- Satu/Dua masa makan sehari
- Satu Hari Penuh
- Tiga Hari Penuh
- Setiap Minggu
- Dua Puluh Satu Hari
- Empat Puluh Hari

ii) *Tandakan tarikh-tarikh anda berpuasa di kalendar anda*

iii) *Sediakan diri anda secara rohani*

- Periksa hati anda
- Berdamailah dengan Allah dan jiran anda
- Hendaklah anda dipenuhi oleh Firman dan Roh-Nya
- Pakailah Senjata Allah

iv) *Sediakan diri anda secara fizikal*

Sebelum Berpuasa:

Makan sedikit makanan sebelum mula berpuasa. Elakkan makanan berlemak tinggi dan manis. Makan buah segar dan sayuran.

Semasa Berpuasa:

Elakkan makan ubat-ubatan, termasuk herba semulajadi dan rawatan homeopatik. Ubat yang dimakan secara tetap hanya boleh dihentikan atas pengawasan doktor. Hadkan aktiviti anda. Bersenam dengan sederhana sahaja. Berjalan sejauh satu atau tiga batu sehari jika mudah dan selesa. Berehatlah sesering mungkin.

Persiapkan diri anda dengan rasa tidak selesa secara mental untuk sementara, seperti tidak sabar, mudah tersinggung, dan resah.



Rasa tidak selesa secara fizikal akan berlaku, terutama pada hari kedua. Mungkin anda mengalami rasa lapar kadang-kadang, pening, atau "macam-macam." Tidak minum dengan kafein dan gula mungkin menyebabkan sakit kepala. Kesukaran fizikal mungkin termasuk juga kelemahan, keletihan, atau tidak dapat tidur.

Dua atau tiga hari pertama biasanya merupakan masa yang paling sukar. Semasa anda terus berpuasa, mungkin anda akan mengalami rasa sihat secara fizikal dan rohani. Bagaimanapun, jika anda merasa terlalu lapar, minum lebih banyak.

Akhir Puasa:

Mula makan dengan perlahan-lahan.

Jangan terus makan makanan keras selepas anda berpuasa. Jika tiba-tiba memakan makanan keras, perut dan pencernaan anda mungkin mengalami akibat yang tidak baik, bahkan berbahaya. Cuba makan sedikit-sedikit beberapa kali pada setiap hari.

v) Berdoa

- Tetapkan masa dan tempoh anda berdoa semasa berpuasa
- Pakailah buku ini sebagai panduan
- Izinkan Roh Kudus untuk memimpin anda dalam doa
- Gabungkan penyembahan dan doa
- Berdoalah dengan harapan
- Berdoalah dengan orang lain (anggota keluarga, rakan doa, anggota gereja)

Tandakan Tarikh Anda Berpuasa

| Ahad | Isnin | Selasa | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 |
|------|-------|--------|----|----|----|----|----|
| 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | |
| 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | |
| 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 | | 1 |
| 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | |
| 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | |

40-Hari Puasa & Doa

Pengumpulan Tabung Kebajikan 2012

Pada tahun ini, kami ingin terus mencabar anda untuk memberikan sumbangan semasa anda berpuasa dan berdoa. Kami percaya bahawa semasa kita berbuat demikian, kita berpuasa menurut cara yang diperkenankan Tuhan. Yesaya 58:6-12 menyatakan: 'Inilah puasa yang Aku kehendaki: tanggalkan belenggu penindasan dan beban ketidakadilan, serta bebaskan orang yang tertindas. Bahagilah makanan kamu dengan orang yang lapar, dan sambutlah orang miskin yang tiada tempat berteduh, ke dalam rumah kamu. Berikanlah pakaian kepada mereka yang tidak mempunyai pakaian, dan jangan tolak sanak saudara kamu sendiri yang memerlukan pertolongan. Maka cahaya kamu akan bersinar seperti fajar mereka, dan luka-luka kamu akan segera sembuh. Aku akan sentiasa menyertai kamu untuk menyelamatkan kamu. Hadirat-Ku akan melindungi kamu di setiap sudut. Apabila kamu berdoa, Aku akan mengabulkan doa kamu dan apabila kamu memanggil Aku, Aku akan menjawab.'

Jika kamu menghentikan penindasan dan penghinaan terhadap orang lain, serta segala kata-kata fitnah; jika kamu memberikan makanan kepada orang yang lapar, dan memenuhi keperluan orang yang tertindas, maka kegelapan di sekitar kamu akan menjadi seterang siang. Aku akan sentiasa memimpin kamu serta mengenyangkan kamu di tanah kering. Aku akan menjadikan kamu kuat dan sihat. Kamu akan menjadi seperti taman yang mendapat cukup air, dan seperti mata air yang tidak pernah kering. Kamu akan membina semula apa yang sudah lama runtuh; kamu akan membinanya semula di atas dasar yang lama. Kamu akan dikenal sebagai umat yang membina semula tembok-tembok kota dan rumah-rumah yang runtuh.'

Menggabungkan puasa dan doa anda dengan memberikan sumbangan boleh menggerakkan anda untuk maju dan melangkahi kerisauan serta konsep, kepada tindakan mengikut arahan Allah untuk mentransformasi dan mengubah masyarakat. Doa dan puasa hanya merupakan langkah pertama ke arah keadilan sosial tetapi bukan pengganti tindakan. Dana yang terkumpul daripada sumbangan anda pada tahun-tahun lepas, telah membantu dan memberkati banyak projek yang memerlukan dan layak dibantu di negara ini dan di negara-negara lain.

Bagaimana anda memberikan sumbangan daripada wang makanan anda ke dalam tabung ini? Ada empat langkah mudah:

1. Masukkan wang makanan yang anda tidak pakai semasa puasa, ke dalam sampul yang disediakan.
2. Pada akhir masa puasa, kira wang simpanan anda dan kirim dengan menggunakan cek kepada kami, dan gunakan sampul yang disediakan.
3. Sila tulis: NECF A/C 2 pada cek itu.
4. Di belakang cek, sila tulis 'Untuk Tabung Kebajikan 2012'.

Jubli

Tuhan memerintahkan Israel untuk merayakan Jubli pada setiap tahun ke-50 sejak mereka menjadi bangsa yang merdeka. Pada 16 September, Malaysia merayakan ulang tahun ke-49 sebagai satu negara, tetapi juga memulakan tahun yang ke-50. Walaupun kita tidak diwajibkan untuk mengadakan perayaan seperti itu, Jubli merupakan imbasan semula akan segala kehendak Allah bagi semua orang dan bangsa, dan tentang perkara yang akan dilakukan-Nya untuk kekekalan. Pada waktunya Yesus mati dan dibangkitkan, Dia menyediakan jalan untuk manusia masuk ke dalam Jubli, suatu perhentian bagi semua orang. Ramai orang masih dibelenggu oleh dosa dan terikat pada yang jahat di negara kita. Rasuah, kejahatan dan yang jahat masih tersebar luas di negara kita. Tetapi Yesus membebaskan dan menyediakan Jubli untuk kita! Sebagaimana Allah memerintahkan Israel untuk mengisyiharkan setiap tahun ke-50 sebagai Tahun Jubli, kita percaya bahawa hal itu juga yang diinginkan Allah untuk semua orang Malaysia. Oleh itu, marilah berdoa dan percaya agar semua orang mengalami berkat Jubli apabila Malaysia masuk ke tahun yang ke-50.

Dengan demikian kamu mengekhaskan tahun yang kelima puluh, dan mengisyiharkan kebebasan kepada segenap penduduk negeri. (Im 25:10)

Cadangan Doa:

- Bersyukur kepada Allah atas kesetiaan-Nya selama 49 tahun.
 - Khaskan tahun ke-50 yang akan datang sebagai tahun yang suci untuk Tuhan.
 - Berdoa agar Allah melepaskan kebebasan untuk semua orang Malaysia.
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Permulaan Baru

Pada Tahun Jubli, Allah memberikan perintah agar tiga perkara dilakukan: Pemulihan, Pembebasan dan Rehat. Semua tanah harus dikembalikan kepada pemilik asal. Semua hamba abdi harus dibebaskan. Dan segala pekerjaan harus dihentikan. Dengan berbuat demikian, Israel dan penduduknya diteguhkan semula dan diberikan permulaan baru untuk 50 tahun seterusnya. Setiap orang bermula lagi dengan potensi yang sama rata dan peluang untuk menjadi makmur. Inilah kehendak Allah. Dan inilah yang kita perlukan serta inginkan berlaku apabila Malaysia masuk ke tahun Jublinya. Kita ingin Allah campur tangan dan memberikannya suatu permulaan baru untuk kebaikan seluruh bangsa. Marilah berdoa agar Jubli kita akan membawa pemulihan, pembebasan dan rehat yang diperlukan untuk negara.

Dengan demikian kamu mengekhaskan tahun yang kelima puluh, dan mengisyiharkan kebebasan kepada segenap penduduk negeri. Pada tahun itu, segala harta milik yang sudah dijual mesti dikembalikan kepada pemilik . . . Jangan tanami ladang kamu; jangan tuai gandum yang tumbuh dengan sendirinya di ladang kamu; jangan petik buah anggur dari pokok-pokok anggur yang tidak dipangkas di kebun kamu.

(Im 25:10-11)

Cadangan Doa:

- Berdoalah agar melalui Jubli ini Allah akan memulihkan, membebaskan dan memberikan rehat kepada Malaysia.
- Berdoalah agar melalui Jubli ini Malaysia akan diselaraskan semula sesuai dengan kehendak Allah dan diubah untuk permulaan yang baru.

Pemulihan

Pada Tahun Jubli, Allah memerintahkan agar semua tanah dikembalikan kepada pemilik asal. Tidak kira bagaimana tanah itu hilang pada mulanya, tetapi ia harus dikembalikan kepada pemilik asal. Inilah cara Allah untuk memastikan warisan setiap suku diteruskan kepada generasi berikutnya. Dalam konteks negara kita, terdapat seruan lantang untuk pemulihan. Tanah dan harta telah dirampas, hak-hak dipijak, institusi dan pentadbiran disalahguna, dan kerukunan diabaikan. Anak-anak kita menghadapi risiko mewarisi negara yang muflis, melakukan rasuah dan terbahagi. Tetapi jiwa Jubli membentangkan janji dan peluang untuk mengubah keadaan.

Pada tahun itu, semua tanah yang sudah dijual mesti dikembalikan kepada pemilik asalnya. (Im 25:13)

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk pengembalian tanah yang dirampas atau hilang, hak dan harta.
 - Berdoa untuk harta negara kita agar dipulihkan untuk generasi selanjutnya.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Pembebasan

Pada Tahun Jubli, Allah memberikan perintah supaya semua hamba berbangsa Israel dibebaskan. Mereka harus dikembalikan kepada rumah dan keluarga mereka. Mereka ialah hamba Allah yang dibebaskan dari Mesir dan tidak boleh dijual atau ditindas sebagai hamba. Pada hari ini, perhambaan masih berleluasa dalam kalangan masyarakat kita. Salah satu jenis perhambaan yang paling buruk adalah penyeludupan manusia. Anak-anak, kaum wanita dan lelaki dijual-beli dan dipaksa menjadi pekerja, dan sering kali pekerja seksual. Malaysia telah dilaporkan sebagai destinasi terkenal serta tempat transit bagi penyeludupan manusia. Meskipun ada kemajuan nasional yang pesat, masih ramai orang di pedalaman serta bandar yang diperhamba oleh kemiskinan, tidak dapat menyara hidup sendiri dan terdedah kepada penderaan. Perhambaan juga terdapat dalam undang-undang yang tidak adil dan menindas, yang tidak mengakui kebebasan peribadi serta mempromosikan ketidakadilan. Marilah kita berdoa agar Allah mengirimkan pembebahan semasa kita masuk ke dalam Jubli kita.

Jika seorang sesama bangsa Israel, yang tinggal di kalangan kamu jatuh miskin lalu menjual dirinya kepada kamu sebagai abdi, jangan suruh dia melakukan pekerjaan abdi. Biarlah dia tinggal bersama-sama kamu sebagai orang gaji dan bekerja untuk kamu sehingga Tahun Pengembalian yang akan datang. Pada tahun itu, dia dan anak-anaknya boleh meninggalkan kamu lalu pulang kepada keluarganya sendiri dan ke tanah milik nenek moyangnya. (Im 25:39-41)

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk semua yang terikat dalam dosa dan kejahatan supaya dilepaskan dan dimerdekaan.
 - Berdoa untuk rangkaian penyeludupan manusia agar dihancurkan dan orang yang diikat olehnya dilepaskan.
 - Berdoa agar kitaran kemiskinan dihancurkan.
 - Berdoa agar undang-undang yang memperhamba akan dibatalkan.
-
-
-
-

Rehat

Pada Tahun Jubli, Allah memberikan perintah supaya segala pekerjaan dihentikan. Tidak boleh ada yang menanam atau menuai. Tiada pekerjaan boleh dijalankan. Orang harus berehat dalam Tuhan. Dan Tuhan berjanji untuk memberkati tanah agar semua keperluan manusia dipenuhi. Dalam dua tahun kebelakangan ini, kita telah melihat peningkatan kekacauan dan kekecewaan secara global dan juga di dalam negara kita. Dalam keadaan tempatan, senario politik menjadi semakin tidak menentu dan berbahaya. Beberapa individu yang tidak bertanggungjawab menggunakan isu-isu perkauman dan agama untuk menimbulkan ketakutan dan kebencian. Semua hal ini telah mewujudkan keadaan yang tidak pasti dan tegang. Marilah kita berdoa agar dalam Tahun Jubli, kita akan mendapat rehat dalam Allah. Marilah kita berdoa untuk pemulihan kestabilan, kesejahteraan dan keharmonian di dalam negara kita.

*Jangan tanami ladang kamu;
jangan tuai gandum yang
tumbuh dengan sendirinya
di ladang kamu; jangan petik
buah anggur dari pokok-pokok
anggur yang tidak dipangkas
di kebun kamu. Tahun itu
tahun yang suci untuk kamu.
Apa yang tumbuh dengan
sendirinya di ladang kamu, dan
yang kamu sendiri ambil, itu
sahaja yang boleh kamu makan.
(Im 25:11-12)*

Cadangan Doa:

- Berdoa bagi semua pihak supaya dipulihkan.
 - Berdoa agar segala perselisihan, hasutan dan kebencian berhenti.
 - Berdoa agar kedamaian, keharmonian dan muhibah dipulihkan di negara ini.
-
-
-
-
-
-
-

Tahun Yang Diperkenan Oleh Tuhan

Tahun Jubli disamakan juga dengan Tahun Yang Diperkenan Oleh Tuhan. Ketika Yesus memulakan pelayanan-Nya, Dia membaca firman Tuhan daripada Yesaya 61:1-2. Pada masa itu Dia mengisyiharkan bahawa Tahun Yang Diperkenan Oleh Tuhan telah tiba. Lalu Dia pergi ke serata tempat untuk menyembuhkan orang sakit, orang lumpuh berjalan, orang buta melihat, membebaskan orang tawanan dan menawarkan penyelamatan serta pengampunan daripada Allah kepada semua orang yang bertaubat dan percaya. Masa itu penuh kasih dan rahmat. Dan itulah yang kita inginkan supaya dicurahkan oleh Allah di seluruh negara kita semasa tahun Jublinya. Semoga negara kita mengalami Jubli Tuhan dan menerima penyelamatan-Nya.

*“Roh Tuhan ada pada-Ku.
Dia telah melantik Aku supaya
menghabarkan
Berita Baik kepada orang
miskin. Dia mengutus Aku
supaya mengumumkan
pembebasan kepada orang
tawanan, kesembuhan bagi
orang buta; dan kemerdekaan
bagi orang yang tertindas, serta
mengisyiharkan masanya
Tuhan menyelamatkan umat-
Nya.” (Lukas 4:18-19)*

Cadangan Doa:

- Berdoa bagi perkenan Allah atas negara ini.
 - Berdoa bagi pencurahan hebat akan Roh Kudus-Nya.
 - Berdoa bagi penyataan kuasa-Nya untuk membebaskan kaum lelaki dan wanita.
-
-
-
-
-
-
-
-

Elia

Elia seorang manusia seperti kita, namun ketika dia berdoa, langit terbuka dan bumi mengeluarkan hasilnya! Syurga menjawab seruannya, kejahatan diusir dan keadilan ditegakkan semula. Dia berkuasa dan berkesan kerana doanya mempunyai kuasa! Bagaimana kita belajar berdoa dengan berkuasa seperti itu? Langkah pertama yang diambil oleh Elia adalah mendoakan bangsanya walaupun dia hanya manusia biasa. Dia tidak pernah menyerah walau apa pun keadaan bangsanya. Dia terus mendoakan bangsanya. Janganlah kita berhenti berdoa untuk bangsa kita. Walaupun 40-Hari Puasa & Doa berakhir, marilah kita terus berdoa. Doa yang berkesan menuntut agar kita membuang sikap yang enggan dan tidak bersemangat. Semoga kita bertaubat daripada keadaan ini dan menjadi seperti Elia, yang bangkit dan menguasai keadaan serta berdoa! Semoga kita mencari perubahan mutlak dalam sikap kita terhadap doa dan negara.

Doa orang yang melakukan kehendak Allah mempunyai kuasa yang besar. Elia pun orang biasa seperti kita. Dia berdoa dengan tekun supaya hujan tidak turun, dan hujan pun tidak turun selama tiga tahun setengah. Kemudian dia berdoa lagi, lalu langit mencurahkan hujan dan tanah mengeluarkan hasilnya. (Yakobus 5:16-18)

Cadangan Doa:

- Berdoa agar Tuhan menghancurkan roh kemalasan dan acuh tak acuh dalam gereja.
 - Berdoa bagi gereja supaya tidak berhenti berdoa untuk negara.
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Doa Syarat atau Doa Menunggu

Doa syarat ialah doa yang kita tetapkan had waktu berdoa. Bahkan kita tentukan agenda dan memberitahu Allah apa yang kita ingin lihat, dan tidak menantikan Dia untuk menyatakan apa yang hendak dilakukan-Nya. Kemudian kita mengharapkan Allah untuk melakukan apa saja yang telah kita mohon dalam doa. Cara ini adalah doa syafaat yang berpusatkan manusia. Di dalam Lukas 24:49, Tuhan menyuruh kita menunggu sehingga kita dilengkapi oleh kuasa dari atas; daripada Tuhan. Tiada apa-apa yang berlaku jika tiada kuasa daripada Tuhan. Rahsia doa yang berkuasa dan berkesan adalah menantikan Allah dalam doa sehingga.... Inilah yang kita sebut doa menunggu. Dalam doa menunggu, Allah menentukan masa yang diperlukan untuk menantikan Dia. Kita tidak tahu berapa lama tetapi jika kita menunggu, Allah akan menunjukkan agenda-Nya dan mempersiapkan kita untuk perkara yang akan berlaku. Kemudian, pada masa yang ditetapkan-Nya, kita akan mengalami kuasa dan wibawa-Nya dan boleh bercakap kepada gunung supaya dilemparkan ke dalam laut kerana kita telah menerima kuasa untuk berbuat demikian.

*Aku akan mengirim apa yang telah dijanjikan oleh Bapa kepada kamu. Tetapi kamu mesti menunggu di kota ini sehingga kuasa daripada Allah turun kepada kamu.”
(Lukas 24:49)*

Cadangan Doa:

- Berdoa agar jemaah akan menemukan semula disiplin dalam doa menunggu.*
 - Berdoa agar pencurahan hebat akan Roh-Nya berlaku semasa jemaah-Nya menunggu dalam doa.*
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Ketaatan

Kuasa rohani berasal daripada Allah sendiri. Tetapi ia tidak datang secara automatik. Kita mendapat kuasa rohani apabila kita menunggu, percaya dan mentaati Allah. Seperti Elia, kita juga perlu melalui proses percaya dan taat untuk mendapat kuasa rohani. Mengapa Allah menghantar Elia ke anak sungai yang akan kering? Mengapa tidak menghantar dia terus kepada balu itu? Namun, langkah-langkah kecil dalam iman dan ketaatan ini merupakan cara Allah untuk melatihnya supaya bergerak dari satu peringkat kuasa kepada peringkat seterusnya. Pertama, Elia menghadapi kemarau. Lalu, dia harus menghadapi kematian. (1 Raja 17:17-21). Apabila imannya kepada Allah bertumbuh, begitu juga kuasa rohaninya. Apabila masa Elia tiba, dia telah bersedia untuk menghadapi iblis! (1 Raja 18). Jika kita ingin bergerak dalam kuasa rohani, kita mesti belajar percaya dan taat kepada-Nya walaupun kita tidak mengerti. Adakah kita terus berjalan dalam ketaatan walaupun kita tidak melihat jawapan doa yang kita telah mohon?

Dengarlah! Aku sudah memberikan kuasa kepada kamu supaya dapat memijak ular dan kala jengking serta mengalahkan segala kekuatan musuh. Tiada apa-apa pun dapat mencederakan kamu
(Lukas 10:19)

Cadangan Doa:

- Berdoa agar jemaah gereja berjalan dalam iman dan ketaatan.
 - Berdoa untuk jemaah agar dilengkapi oleh kuasa.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Iman

Ketidakpercayaan adalah halangan doa. Yesus menyebut ketidakpercayaan sebagai pelanggaran. Apabila terdapat ketidakpercayaan, maka tiada apa-apa yang berlaku. Ramai antara kita mungkin patah semangat kerana mungkin kita menghadapi cabaran peribadi dan doa yang tidak dijawab. Doa sentiasa mencabar iman kita, namun tanpa doa, iman tidak dapat dibangun! Yesus memberitahu para pengikut-Nya bahawa satu-satunya cara untuk mengusir roh jahat adalah dengan berdoa dan berpuasa. Apabila kita terus berdoa, barulah iman kita bertumbuh. Dan iman kita adalah dalam Tuhan. Bukan doa kita yang memindahkan gunung melainkan Allah yang memanggil kita untuk berdoa akan melakukannya. Jika demikian, maka tiada suatu pun yang mustahil! Adakah kita terus percaya walaupun menghadapi cabaran-cabaran peribadi tersebut? Adakah kita mengizinkan Allah untuk memberi kita kemenangan peribadi supaya kita mempunyai iman untuk melihat kemenangan secara kebangsaan?

Yesus menjawab, “Kamu tidak dapat melakukannya, kerana kamu kurang percaya kepada Allah. Ketahuilah! Jika kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu dapat berkata kepada bukit ini, ‘Beralihlah ke sana!’ dan bukit ini akan beralih. Kamu dapat melakukan apa sahaja!” (Mat 17:20)

Cadangan Doa:

- Berdoa memohon pengampunan Tuhan atas ketidakpercayaan kita.
 - Berdoa untuk jemaah agar tabah dalam doa dan iman.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Keadilan

Bagaimana kita berdoa untuk keadilan supaya ditegakkan? Kita memerlukan dua perkara. Pertama, merasa bersama dengan orang yang tidak mendapat keadilan. Kedua, kita perlu menderita dalam doa, berseru bagi pihak mereka kerana orang miskin tidak dapat bersuara. Kuasa untuk bercakap demi keadilan akan datang semasa kita berdoa, kerana memang kehendak Allah untuk memberikan keadilan kepada anak-anak-Nya yang berseru kepada-Nya siang dan malam. Adakah kita ingin berseru siang dan malam bagi pihak mereka yang perlu melihat pembelaan Allah atas negara mereka?

Tidakkah Allah akan membela umat-Nya yang berseru kepada-Nya siang malam? Adakah Dia akan berlambat-lambat untuk menolong mereka? (Lukas 18:7)

Doa Cadangan:

- Berdoa bagi jemaah untuk merasa bersama orang yang menderita dan yang dipinggirkan.
 - Berdoa bagi jemaah untuk berseru memohon keadilan.
 - Berdoa agar ketidakadilan dihapuskan dari negara.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Tindakan

Tahun 2012 adalah juga tahun Jubli bagi Malaysia. Pada musim ini apakah yang hendak diberi oleh Allah untuk jemaah? Apakah yang ditetapkan-Nya untuk kita lakukan? Membawa berita baik kepada orang miskin, keadilan kepada bangsa, menjadi cahaya kepada bangsa lain, membuka mata orang buta dan membebaskan orang tawanan serta membebaskan orang yang duduk dalam kegelapan. Diurapi bererti kita mempunyai urapan dan kuasa Allah untuk melakukan semua perkara tersebut. Apakah yang diletakkan oleh Allah di dalam hati anda selama 40 hari berpuasa dan berdoa? Bagaimana cara kita untuk membawa terang kepada bangsa lain atau keadilan dan harapan kepada bangsa-bangsa, terutamanya mereka yang sedang duduk di dalam penjara kegelapan? Berdoa agar Roh Tuhan menggerakkan kita untuk bertindak. Berdoa juga untuk orang Kristian yang telah ditempatkan Allah dalam kedudukan yang berkuasa dan berpengaruh supaya mereka menginginkan urapan Allah bagi tugas mereka dan tidak bersandar pada kekuatan manusia.

*"Aku, TUHAN telah memanggil engkau serta menugaskan engkau untuk menjalankan keadilan di bumi. Melalui engkau Aku akan membuat perjanjian dengan semua orang; melalui engkau Aku akan menerangi bangsa-bangsa. Engkau akan mencelikkan mata orang buta, dan membebaskan orang dari penjara yang gelap.
(Yesaya 42:6-7)*

Cadangan Doa:

- Berdoa agar Allah mengurapi jemaah-Nya untuk bertindak.
 - Berdoa untuk jemaah-Nya supaya menjadi ejen dan saluran berkat-Nya.
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Hari Raya Aidilfitri

Hari Raya Aidilfitri ialah perayaan Muslim yang dirayakan oleh semua orang Muslim di seluruh dunia untuk menandakan pengakhiran bulan puasa mereka. Di Malaysia, orang Muslim memulakan hari dengan memakai pakaian baru dan berkumpul di masjid pada awal pagi untuk berdoa, diikuti oleh penziarahan kubur. Golongan muda akan memohon pengampunan daripada orang tua mereka dan rumah dibuka kepada sanak saudara serta kawan-kawan. Makanan tradisional Melayu yang sedap-sedap dihidangkan pada musim perayaan ini. Perayaan berlangsung selama sebulan tetapi lebih tertumpu pada tiga hari pertama. Orang Muslim juga memberikan duit raya kepada anak-anak apabila mereka datang melawat. Pada umumnya, Hari Raya Puasa adalah masa yang gembira bagi orang Muslim.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar Allah memberkati jiran-jiran Muslim kita.
 - Berdoa agar mereka juga masuk ke dalam tahun Jubli.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Pendatang Tanpa Izin

Sekarang Sabah mempunyai penduduk seramai 3.2 juta, dan 25% daripadanya ialah orang asing. Sabah telah meminta supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk meniasat masalah besar berkaitan pendatang tanpa izin di dalam Negeri ini. Kabinet persekutuan dilaporkan bersetuju dan sedang menentukan bidang kuasanya. Pada 2009, Sabah menjadi kediaman bagi kira-kira 52,000 orang anak-anak yang tidak berkerakyatan dan bilangan golongan ini semakin meningkat. Perkara ini disebabkan oleh pendatang yang ramai, dan sering kali tanpa izin. Kebanyakan anak-anak yang tidak berdaftar ini tidak dibenarkan masuk ke dalam sekolah-sekolah kerajaan dan sering didapati bekerja di pasar-pasar ikan atau budak-budak pengilat kasut di tepi jalan raya. Punca masalah utama adalah pihak jabatan imigresen yang tidak menguatkuasakan undang-undang. Satu hal lagi yang menjadi kebimbangan adalah dakwaan memberikan kewarganegaraan kepada pendatang tanpa izin untuk tujuan politik.

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk pembentukan segera Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap masalah ini.
 - Berdoa untuk penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pengawalan sempadan untuk menghalang kedatangan pendatang tanpa izin.
 - Berdoa agar penyalahgunaan kuasa untuk memberikan kewarganegaraan kepada pendatang tanpa izin dapat didedahkan dan didakwa.
 - Berdoa bagi penyelesaian yang berkesan dan adil bagi pendatang tanpa izin yang berada di negeri ini sekarang.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Pertengkaran tentang Tanah

Hak Tanah Adat (NCR) atas tanah orang tempatan mendapat perlindungan dalam Ordinan Tanah Sabah. Bagaimanapun, keperluan tahun Jubli untuk merehatkan tanah (membiarkan tanah pulih selepas beberapa tahun ditanami) jarang diakui. Tanah kosong dianggap terbiar dan diperhati oleh syarikat-syarikat besar. Enakmen Hutan mewajibkan notis tentang mana-mana kawasan hutan yang akan digazet sebagai hutan simpan (untuk pembalakan atau pembangunan lain) ditunjukkan kepada masyarakat berdekatan untuk memberikan peluang bantahan sekiranya ada kawasan Tanah Adat yang terlibat dalam gazet tersebut. Prosedur ini sering kali tidak diikuti dan masyarakat tempatan hanya mengetahui gazet itu apabila traktor pencakar tanah datang. Sejak 2002, Suhakam telah menerima 1,098 aduan tentang pencerobohan tanah adat, dan 824 daripada aduan itu diterima dari Sabah. Kerajaan Sabah telah bercadang mengeluarkan geran tanah secara berkumpulan sebagai penyelesaian pertengkarannya. Di bawah konsep ini, sebuah syarikat akan dilantik untuk memajukan tanah dan orang tempatan sebagai pemegang geran tanah secara berkumpulan hanya mendapat 40% daripada keuntungan yang diperoleh. Cadangan ini telah dibantah oleh orang tempatan kerana ia bukan mengikut inti Tanah Adat yang diperuntukkan dalam Ordinan Tanah.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar keadilan ditegakkan dalam menyelesaikan isu ini.
 - Berdoa bagi pemberian ganti rugi yang berpatutan.
 - Berdoa bagi keberanian dan kebijaksanaan para peguam yang membela isu-isu Tanah Adat.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Kurang Kemajuan

Sabah telah diakui sebagai yang paling kaya – dalam sumber-sumber semulajadi – antara empat negeri yang bergabung untuk membentuk Malaysia pada 1963. Pada hari ini, Sabah menjadi negeri paling miskin di Malaysia. Menteri bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata bahawa kini terdapat 16,753 keluarga miskin dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM3,102. Terdapat juga 15,293 keluarga miskin papa di Sabah. Pada 2009, 41% kawasan tanah di Sabah tidak mempunyai air paip berbanding 10% di Semenanjung, dan 23% kawasan di Sabah tiada elektrik berbanding 0.3% sahaja di Semenanjung. Namun, di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010), Sabah hanya diperuntukkan 8% daripada jumlah bajet negara sehingga menyebabkan Sabah mempunyai bilangan terbesar orang di bawah paras kemiskinan di Malaysia. Walaupun negeri ini kaya dalam minyak dan gas semulajadi, Sabah telah diperuntukkan RM1,520.76 juta sahaja daripada dana persekutuan untuk pembangunan pada 2012, iaitu kurang daripada 3% daripada jumlah bajet pembangunan, iaitu RM51 bilion untuk seluruh negara.

Cadangan Doa:

- Berdoa melawan dasar pilih kasih dan rasuah oleh orang yang berkuasa untuk memajukan Negeri.
 - Berdoa untuk para pemimpin politik yang takut akan Allah, yang membela orang miskin dan mereka yang dipinggirkan.
 - Berdoa untuk orang Sabah supaya menanggalkan sikap ‘santai’ dan supaya mereka bersuara sehingga didengar dan isu-isu diperhatikan.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Masalah Sosial

Masalah sosial termasuk perbuatan sumbang, percabulan, pelacuran dan perjudian adalah isu-isu di Sabah. Pada 2004, Sabah berada di tempat kedua dalam bilangan kes yang melibatkan perbuatan sumbang (44 kes) di seluruh negara. Negeri ini mempunyai 2,900 orang ibu tunggal yang terdaftar dan mungkin 300 lagi yang tersebar di sekitar Kota Kinabalu dan pekan-pekan di 17 daerah. Ini menjadikan Sabah sebagai salah satu negeri yang mempunyai bilangan ibu tunggal yang tertinggi di seluruh negara. Sabah juga dikenalpasti sebagai tempat transit bagi penyeludupan manusia untuk pelacuran di dalam negara. Menurut Tenaganita, terdapat di antara 30,000 dan 32,000 orang yang diseludup melalui Sabah berdasarkan angka rasmi 600,000 hingga 800,000 orang pekerja asing di negeri itu pada 2009. Ada juga cadangan untuk membuka tempat perjudian kerana Sabah sudah pun mempunyai 44 lesen cepumas dan membenarkan penggunaan 425 buah mesin cepumas. Oleh itu, semakin ramai orang Sabah meminjam wang daripada along untuk kegunaan berjudi, sehingga menyumbang kepada masalah kehancuran keluarga.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar ada tekad secara politik untuk menangani semua masalah sosial tersebut.
 - Berdoa untuk gereja-gereja supaya bangkit dan membantu kerajaan untuk menangani beberapa masalah sosial ini.
 - Berdoa untuk rumah-rumah kebajikan yang sesuai dan mempunyai nilai-nilai Kristian untuk melatih dan mengubah mangsa-mangsa gejala sosial supaya mereka menjadi ‘pemenang’ dan pengaruh yang positif dalam masyarakat.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Pendidikan

Pada tahun lalu, ada cadangan daripada Kementerian Pendidikan untuk menempatkan 80,000 orang guru dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Cadangan ini menghairankan kerana terdapat ribuan belia di Malaysia Timur yang berminat dan layak untuk dilatih sebagai guru, menurut para pemimpin politik tempatan. Selain itu, terdapat 578 guru sandaran di Sabah yang sedang menunggu kontrak mereka dilanjutkan. Rasa bimbang telah disuarakan bahawa pemindahan guru-guru ke Malaysia Timur akan merangkumi banyak guru agama. Para pegawai Kementerian Pendidikan di daerah pedalaman seperti Nabawan, Kemabong dan Telupid dikatakan telah menolak permohonan belia tempatan yang ingin menjadi guru. Menurut Jabatan Pendidikan Sabah, lebih daripada 20% guru yang ditempatkan di seluruh Sabah tidak berasal dari Sabah. Sabah juga amat sangat kekurangan guru bahasa Inggeris. Berkaitan dengan infrastruktur, kira-kira 100 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di pedalaman dilanda banjir bila saja hujan lebat turun dengan berterusan, sehingga sering melibatkan kira-kira 9,000 orang murid sekolah.

Cadangan Doa:

- Berdoa bagi Gereja untuk mencabar lebih banyak guru Kristian yang berdedikasi untuk berkhidmat di kawasan pedalaman.
 - Berdoa bagi sokongan yang lebih kuat untuk guru-guru dan Pengetua-Pengetua Kristian oleh pihak Gereja dan masyarakat dalam usaha mereka untuk membawa perbezaan dalam bidang pendidikan.
 - Berdoa untuk guru-guru supaya menjadi teladan bagi nilai-nilai murni.
 - Berdoa bagi kemajuan Persatuan Kristian di sekolah-sekolah.
 - Berdoa bagi ibu bapa supaya rela mengizinkan anak-anak mereka untuk menjadi pendidik di negeri ini.
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Kebebasan Beragama

Pada 2010, Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) mengatakan bahawa ia akan menguatkuasakan undang-undang Islam terhadap perbuatan murtad sebaik sahaja pusat pemulihan iman di Kinarut diselesaikan pada 2011. Laporan berita menyatakan bahawa pusat itu kini sedia. Hal ini bererti ribuan pengikut “segera” yang menjadi Islam semasa era Usno di bawah Tun Mustapha Dato Harun pada akhir 1960-an dan awal 1970-an untuk mendapatkan kenaikan pangkat dan kontrak, mungkin harus ditempatkan di pusat pemulihan tersebut untuk beberapa waktu. Tindakan JHEAIN melanggar perkara pertama dalam Perjanjian 20 Perkara Sabah yang menyatakan bahawa Sabah tidak akan mempunyai agama rasmi. Kebebasan Beragama juga merupakan perkara pertama yang diukirkan pada Batu Sumpah Keningau, yang didirikan dan dirasmikan pada 16 September 1964 untuk meringkaskan jaminan yang diberi oleh kerajaan Malaysia kepada Sabah sementara menyatakan taat setia rakyat Sabah kepada Malaysia. Lagipun, Seksyen 64 di bawah Tajuk VI dalam Perjanjian Malaysia menyatakan bahawa penubuhan atau pengekalan institusi Islam di Sabah harus mendapatkan kebenaran daripada gabenor Sabah. Ini bererti bahawa penguatkuasaan JHEAIN akan undang-undang tersebut harus pertama-tama diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri. Tambahan pula, Seksyen 65 di bawah Tajuk VI juga menyatakan bahawa Artikel 11(4) dalam Perlembagaan Persekutuan, yang membenarkan negeri-negeri untuk melarang penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam, tidak berkuatkuasa di Sabah.

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk kebebasan beragama di Sabah supaya dilindungi dan ditegakkan.
 - Berdoa agar mereka yang telah percaya kepada Tuhan akan dijaga dan dilindungi.
 - Berdoa untuk menentang budaya tempatan yang menyebarkan upacara darah animistik walaupun ramai yang mengaku sebagai orang ‘Kristian’. Berdoa agar darah Yesus berkesan dalam penyucian dan pembebasan mereka daripada kepercayaan karut dan nilai-nilai yang tidak berpendirian tetap.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Persiapan Sabah bagi Harapan Jubli

Dalam persiapan bagi Sabah untuk masuk ke dalam Harapan Jubli, beberapa daya usaha telah dirancang oleh Projek Tim Jubli. Antaranya adalah Seminar-Seminar Harapan Jubli yang akan diadakan di beberapa tempat di Sabah. Matlamatnya adalah mewujudkan kesedaran dan mendidik gereja-gereja tentang Harapan Jubli. Ia juga bertujuan memberikan laporan yang jelas dan tepat tentang bagaimana Malaysia dibentuk. Selain seminar-seminar itu, persekutuan doa oleh berbagai-bagai bahasa akan sering diadakan di seluruh negeri untuk berdoa bagi Harapan Jubli. Pada 16 September, suatu perhimpunan besar akan diadakan di Kota Kinabalu untuk menyambut Jubli Malaysia untuk Sabah.

Bukalah pintu zaman purba seluas-luasnya, Raja yang mulia akan masuk! Siapakah Raja yang mulia itu? Dialah TUHAN yang perkasa, TUHAN yang penuh kuasa, yang berjaya dalam pertempuran. Bukalah pintu zaman purba seluas-luasnya, Raja yang mulia akan masuk! Siapakah Raja yang mulia itu? TUHAN Yang Maha Kuasa, Dialah Raja yang mulia!
(Mzm 24:7-10)

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk Projek Tim Jubli sementara mereka memimpin beberapa daya usaha tersebut.
 - Berdoa bagi gereja-gereja di Sabah untuk mempersiap dan menyambut Harapan Jubli.
 - Berdoa bagi lawatan Allah yang hebat di perhimpunan besar di Kota Kinabalu pada 16 September.
-
-
-
-
-
-
-

Monarki

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan beraja berdasarkan perlembagaan dan demokrasi parlimen. Ketua Negara ialah Yang Di-Pertuan Agong (Raja) dan ketua kerajaan ialah Perdana Menteri. Sebagai Ketua Negara, Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa yang luas seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Yang Dipertuan Agong mempunyai peranan dan fungsi yang ditetapkan dalam tiga cabang kerajaan, iaitu Pentadbiran, Perundangan dan Kehakiman. Jabatan Raja tidak turun-temurun. Dia dipilih dan dilantik oleh Persidangan Raja-Raja. Raja pada masa ini ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimul Bllahi Muhibbuddin Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni AlMarhum Sultan Badlishah. Inilah kali kedua baginda dilantik sebagai Raja atas Malaysia.

Cadangan Doa:

- Berdoa kepada Allah untuk memberkati Raja kita.
 - Berdoa bagi Raja kita untuk memerintah dengan bijaksana dan adil.
 - Berdoa bagi Raja kita untuk bercakap dan bertindak bagi pihak semua rakyat.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Putrajaya

Putrajaya terletak 25km di bahagian selatan Kuala Lumpur dan menjadi pusat pentadbiran persekutuan Malaysia. Pusat kerajaan dipindahkan ke tempat ini pada 1999 dari Kuala Lumpur oleh sebab kesesakan. Kuala Lumpur tetap menjadi ibu kota Malaysia, sebagai pusat bagi Raja dan Parlimen, dan juga pusat perdagangan dan kewangan negara. Bangunan utama kerajaan termasuk pejabat Perdana Menteri terletak di Putrajaya. Dari pusat ini, Kerajaan Persekutuan mentadbir hal-ehwal negara. Kerajaan Persekutuan dipimpin oleh Perdana Menteri dan kabinetnya serta bertanggungjawab atas pertahanan, polis, dan keretapi, tenaga kerja, siaran, pos dan kewangan, kesihatan, keselamatan negara, pendidikan dan banyak lagi. Penduduk Putrajaya kebanyakannya orang Islam yang berkhidmat sebagai kaki tangan kerajaan.

Cadangan Doa:

- Berdoa kepada Allah agar Dia mencurahkan kebenaran dan kesucian atas kerajaan kita.
 - Berdoa bagi kerajaan kita untuk melaksanakan polisi yang benar dan adil.
 - Berdoa bagi kerajaan untuk berbelanja dengan cermat dan telus.
 - Berdoa bagi Kerajaan kita supaya dapat memenuhi janji-janji mereka.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Parlimen

Parlimen Malaysia terdiri daripada Senat (Dewan Negara) dan Dewan Rakyat. Pihak Perundangan Persekutuan diberi kuasa untuk merangka undang-undang, menaikkan cukai dan mengesahkan perbelanjaan yang diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong. Para Senator, sama ada dilantik atau dipilih, berkhidmat selama satu penggal, iaitu enam tahun, sementara ahli Dewan Rakyat atau Ahli Parlimen dipilih untuk satu penggal, iaitu selama lima tahun dalam sistem kawasan ahli tunggal. Pada masa ini, terdapat 70 orang Senator dan 222 orang Wakil Dipilih. Sejak mendapat kemerdekaan daripada Britain pada 31 Ogos 1957, pengundian bagi Wakil Rakyat telah diadakan secara tetap sekali dalam lima tahun atau kurang lima tahun.

Cadangan Doa:

- Berdoa bagi para Senator kita dan wakil-wakil yang dipilih untuk menganunkan undang-undang yang adil dan saksama.
 - Berdoa bagi para Senator kita dan wakil-wakil yang dipilih supaya berani menuntut kerajaan supaya bertanggungjawab atas kewajipan dan tindakan mereka.
 - Berdoa bagi para Senator kita dan wakil-wakil yang dipilih supaya bersuara menentang rasuah dan ketidakadilan.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Perkhidmatan Awam

Perkhidmatan awam Malaysia mempunyai 1.2 orang kaki tangan yang merangkumi 28 bidang perkhidmatan. Ini termasuk Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Perkhidmatan Awam Bersama, Perkhidmatan Pendidikan, Badan Kehakiman, Perkhidmatan Perundangan, Polis dan Tentera serta bidang-bidang lain. Semua ini merupakan tangan pelaksana bagi pihak kerajaan untuk berbagai-bagai tugas termasuk perkhidmatan, menangani hal-hal yang menjadi kepentingan rakyat, memastikan keselamatan awam dan keamanan, serta kemajuan masyarakat. Sebagai tenaga profesional, perkhidmatan awam seharusnya memberikan nasihat yang tidak pilih kasih serta sesuai, taat setia kepada kepentingan awam dan patuh kepada Menteri dan Kabinet. Pada masa yang sama, mereka seharusnya tidak memihak kepada mana-mana parti politik, yang bermakna mereka memberikan taat setia kepada kerajaan masa itu tidak kira apa rupa politik atau perubahan dalam kerajaan. Perkhidmatan awam di Malaysia pada masa ini sebahagian besarnya Melayu. Semua bangsa lain, termasuk bumiputera bukan Melayu, tidak cukup diwakili dalam kadar yang berlainan.

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk berkat Allah atas 1.2 juta kaki tangan dalam perkhidmatan awam.
 - Berdoa untuk peningkatan dalam kecekapan, keberhasilan, kebertanggungjawapan dan kebolehpercayaan dalam perkhidmatan awam.
 - Berdoa untuk peluang yang lebih banyak untuk golongan suku bangsa yang lain dan bumiputera bukan-Melayu untuk masuk dalam perkhidmatan awam.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Hari Merdeka

Walaupun hari ini ialah Hari Merdeka Malaya, cuti ini dirayakan secara rasmi sebagai hari kemerdekaan negara daripada British. Persekutuan Malaya mendapatkan kemerdekaan daripada British pada tarikh ini tahun 1957. Lalu pada 22 Julai, 1963 Sarawak mendapatkan kemerdekaan, disusuli oleh Sabah pada 31 Ogos tahun yang sama. Pada 16 September 1963, Malaya, Singapura, Sabah dan Sarawak bergabung untuk membentuk Malaysia. Pada 1965, Singapura keluar daripada Persekutuan. Sebagai negara merdeka, Malaysia telah berkembang maju. Pada hari ini, Malaysia telah menjadi salah satu negara utama di Asia. Walaupun kita bersyukur kepada Allah atas kemerdekaan dan kemajuan yang dicapai, kini kita berhadapan dengan ancaman baru seperti rasuah, pengurusan salah, gejala sosial, penyalahgunaan kuasa, ketidakharmonian dan ketiadaan toleransi agama. Jika tidak selalu berhati-hati, ancaman-ancaman ini boleh merampas semua yang telah kita capai. Oleh itu, semasa kita bergembira atas apa yang telah dikurniakan Allah dan kemajuan kita setakat ini, marilah kita terus berjaga-jaga dan berdoa selalu untuk menentang ancaman-ancaman tersebut agar kita tidak kehilangan bangsa ini.

Cadangan Doa:

- Bersyukur atas semua berkat-Nya atas Malaysia.
 - Berdoa untuk transformasi yang berterusan untuk bangsa ini.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Orang Asli

Orang Asli ialah kaum minoriti asli Semenanjung Malaysia. Mereka dikategorikan kepada tiga kumpulan utama di bawah Negrito, Senoi dan Proto-Malay, dan dibahagi lagi kepada 18 etnik yang lebih kecil. Pada awal 1950-an, pihak British melihat kepentingan menggunakan Orang Asli untuk menang atas pergerangan melawan pemberontakan komunis. Orang Asli diperkenalkan pada kemudahan asas kesihatan, pendidikan dan barang-barang pengguna. Pada waktu itu juga percubaan penting dibuat pada peringkat undang-undang untuk melindungi Orang Asli melalui Ordinan Orang Asli pada 1954. Undang-undang itu dianggap satu kemajuan kerana ia menunjukkan bahawa akhirnya kerajaan mengakui tanggungjawabnya terhadap Orang Asli. Akta ini mengakui beberapa hak Orang Asli seperti penubuhan Kawasan dan Tanah Simpan Orang Asli, tetapi ia juga memberikan kuasa kepada negeri untuk memberikan perintah kepada mana-mana masyarakat Orang Asli untuk meninggalkan serta menjauhi sesebuah kawasan. Negeri-negeri yang hendak mengambil semula tanah boleh membatalkan status tanah Orang Asli, sehingga masyarakat itu tiada pilihan lain kecuali berpindah ke tempat lain. Akta itu juga memberikan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kata putus dalam segala perkara berkaitan dengan pentadbiran Orang Asli. Keadaan ini menyebabkan Orang Asli tidak dapat bersuara atau terlibat sedikit sahaja dalam pengambilan keputusan oleh JAKOA bagi pihak mereka.

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk penyemakan menyeluruh terhadap Ordinan Orang Asli untuk memberikan Orang Asli hak atas tanah mereka dan mewakili serta menentukan hal-hal mereka.
 - Berdoa untuk status dan hak mereka supaya dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
 - Berdoa bagi generasi muda Orang Asli supaya cemerlang dalam pelajaran mereka.
 - Berdoa agar lebih banyak Orang Asli profesional untuk bangkit dan kembali menolong masyarakat mereka sendiri.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Orang Melayu

Orang Melayu ialah kaum etnik paling banyak di Semenanjung. Dalam banci 2010, kaum Melayu terdiri daripada 67.4% seluruh penduduk. Sebagai kaum majoriti, mereka menguasai sebahagian besar pentadbiran kerajaan. Mengikut undang-undang, semua orang Melayu ialah Muslim. Tindakan keluar daripada agama Islam adalah dilarang. Membawa orang Melayu keluar daripada Islam pun dilarang dan boleh dihukum di 10 daripada 13 negeri di seluruh negara. Jika berkahwin dengan orang Melayu, orang itu wajib memeluk agama Islam. Anak-anak bawah umur secara automatik menganut agama Islam jika seorang atau kedua-dua ibu bapa memeluk agama Islam. Orang Melayu pada umumnya bersikap toleransi, mesra, ramah dan membantu orang lain. Mereka juga mempunyai kesenian dan suka pada muzik dan tarian kebudayaan. Ramai orang Melayu semakin moden dan progresif, tetapi ada juga sebahagian yang merasa bahawa hak beragama, ekonomi dan politik mereka terancam.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar Allah memberkati orang Melayu.
 - Berdoa agar orang Melayu menikmati tahun Jubli.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Melangkah Masuk ke Dalam Proses Transformasi Masyarakat di Seluruh Negeri

Para pemimpin Kristian di Sarawak semakin menyadari bahawa walaupun mereka berjaya meningkatkan bilangan penduduk Kristian di Negeri itu selama beberapa tahun, kebajikan rakyat negeri pada umumnya dan pengaruh Kristian dalam beberapa bidang (pendidikan, bisnes, keluarga, politik, media dan hiburan) masih agak mundur, dengan itu transformasi masyarakat masih lemah. Hal ini telah membangkitkan semangat baru-baru ini untuk memperhatikan panggilan Allah dalam kalangan pemimpin gereja terhadap penglibatan aktif gereja dalam proses transformasi masyarakat melalui beberapa arena sosial. Allah telah melakukan pekerjaan istimewa di dalam hati ramai pemimpin Kristian negeri untuk melihat lebih jauh daripada empat dinding gereja dan mencari Dia untuk mendengar panggilan khusus untuk memberikan kesan kepada masyarakat. Perkara ini tidak pernah berlaku pada tahap ini sebelumnya, dan kita percaya bahawa ini hanya permulaan.

Hendaklah cahaya kamu juga bersinar di hadapan orang, supaya mereka melihat perbuatan kamu yang baik, lalu memuji Bapa kamu yang di surga. Matius 5:16

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk para pemimpin Negeri yang beragama Kristian agar mereka menerima ilham baru tentang maksud dan proses transformasi masyarakat sebagai respons kepada perintah Allah ‘...Pergilah kepada semua bangsa di seluruh dunia dan jadikanlah mereka pengikut-Ku...’
- Berdoa agar lebih banyak pemimpin mencari pimpinan dan strategi Allah untuk mempengaruhi masyarakat melalui beberapa arena atau ‘gunung’.
- Berdoa untuk kesatuan pemimpin gereja di seluruh negeri dalam beberapa rancangan transformasi masyarakat secara khusus.
- Berdoa agar ada penerobosan di dalam hati di seluruh masyarakat Kristian agar melakukan lebih daripada program yang berpusatkan gereja.

Membangkitkan Kepimpinan Kristian dan Penguasa yang Salih di Sarawak

Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini berkaitan dengan hal-hewal masyarakat Kristian di Sarawak menonjolkan keperluan besar bagi para pemimpin Kristian tempatan supaya menjadi kuat dan berani untuk memimpin umat Allah pada waktu mereka ada keperluan. Para pemimpin Kristian yang utama, walaupun diakui dengan baik dalam kumpulan masing-masing, sukar bersatu dengan sesama orang Kristian daripada denominasi gereja dan persatuan-persatuan lain. Tugas-tugas besar pada masa ini memerlukan kepimpinan yang kuat. Dengan latar belakang gereja dan budaya yang berbeza, para pemimpin yang kita cari untuk menyatupadukan masyarakat Kristian tidak mudah ditemui. Kita mesti bersandar kepada Allah yang Maha Kuasa bukan saja untuk mendapatkan para pemimpin seperti itu tetapi juga untuk urapan-Nya atas mereka yang akan memikul tanggungjawab tersebut.

Hendaklah engkau yakin dan berani, dan pastikanlah supaya engkau mentaati seluruh Taurat yang diberikan oleh hamba-Ku, Musa kepadamu. Jangan lalaikan mana-mana bahagian Taurat itu, supaya engkau berjaya ke mana pun engkau pergi. Yosua 1:7

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk para Pemimpin dan Penguasa Kristian yang takut akan Tuhan di Sarawak, mereka yang rindu akan hadirat dan kehendak Tuhan untuk kerajaan-Nya pada masa ini.
- Berdoa agar mereka membuka pintu bagi pekerjaan Roh Kudus yang baru, sehingga membawa kebangunan rohani dan pembaharuan di Sarawak.
- Berdoa agar Tuhan memberikan kuasa rohani yang lebih besar dan urapan kepada para Penguasa tersebut supaya mereka mengenal kehendak dan tujuan-Nya untuk saat “kairos” ini.
- Berdoa untuk para pemimpin ini untuk memimpin dengan doa, pelayanan dan kerendahan hati.

Kesatuan Masyarakat Kristian di Sarawak

Sejak mubaligh pertama mendarat di pantai Sarawak, kumpulan Kristian daripada berbagai-bagi denominasi atau persekutuan, meskipun mereka sangat dihargai kerana kerja keras mereka untuk membawa pertumbuhan gereja ke tahap sekarang, pada umumnya mereka telah bergerak dalam lingkungan ‘misi’ Allah bagi mereka sendiri. Interaksi antara kumpulan-kumpulan itu terbatas dan sering kali, hanya kerana ada keperluan, mereka bergabung dalam persekutuan yang longgar. Namun, seruan pada masa ini – untuk mendapatkan kebebasan beragama seperti yang dijamin dalam perjanjian Pembentukan Malaysia, untuk menyahut usaha menghapuskan kemiskinan antara orang pedalaman, berfokus pada pentadbiran negeri yang adil, dsb. -- kini menuntut kesatuan yang kuat antara masyarakat Kristian. Ramai pemimpin orang Kristian dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menyedari hakikat ini dan berseru kepada orang Kristian lain di Sarawak untuk melihat melampaui hal-hal yang membezakan mereka dan bersatu untuk kebaikan bersama.

Aku bersatu dengan mereka dan Engkau bersatu dengan Aku, supaya mereka benar-benar menjadi satu. Lalu dunia akan tahu bahawa Engkau mengutus Aku dan bahawa Engkau mengasihi mereka sebagaimana Engkau mengasihi Aku. (Yohanes 17:23)

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk para pemimpin Kristian agar peka terhadap seruan Allah untuk menyatupadukan umat-Nya demi kepentingan seluruh negeri.
- Berdoa untuk para pemimpin tersebut supaya berani menyahut panggilan ini, dan melihat melampaui apa pun sempadan yang menghalang mereka daripada bergerak maju.
- Berdoa untuk para pemimpin Kristian daripada pelbagai denominasi gereja dan persekutuan untuk mencari perdamaian antara mereka sendiri.
- Berdoa untuk orang Kristian di Negeri itu untuk keluar daripada batas-batas yang menyekat mereka daripada bersatu dengan orang Kristian lain.

Melatih Kepimpinan Generasi yang Seterusnya

Apakah yang membentuk generasi muda pada hari ini? Dari kota-kota besar hingga ke pekan-pekan kecil dan kampung-kampung di pedalaman Sarawak, terdapat satu isu yang sama – pendedahan kepada alam siber, berhubung melalui rangkaian Facebook, YouTube atau Twitter dan kemudahan untuk mendapatkan berbagai-bagi maklumat daripada Internet. Apakah tekanan yang dihadapi oleh generasi sekarang? Tekanan untuk menjadi lebih baik daripada rakan sebaya, mendapat semua A dalam peperiksaan, mendapat tempat di universiti untuk mengikuti kursus pilihan mereka dan akhirnya mendapat pekerjaan yang dianggap berprestij pada pandangan masyarakat. Bagaimanakah orang muda menghadapi tekanan seperti itu dan apakah kunci untuk maju dan bertahan dalam hidup? Bagaimanakah gereja relevan dan memainkan peranan untuk membentuk destinasi belia kita masa ini? Pada waktu seperti inilah kita perlu mendengar ‘suara lembut daripada Tuhan Yesus’ yang memberikan petunjuk dan pimpinan kepada kita tentang apa yang harus dibuat dan bagaimana melayani.

Sebaliknya utamakanlah Pemerintahan Allah dan lakukanlah kehendak-Nya, lalu Allah akan memberikan semua itu kepada kamu. (Matius 6:33).

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk kebijaksanaan dan pengertian daripada Allah untuk menegakkan kebenaran dan keadilan dalam masyarakat yang menitikberatkan kebendaan, pengejuran akan pendidikan dan kemajuan dalam kerjaya.
- Berdoa untuk ibu bapa, pastor atau mentor untuk mengerti keperluan dan pergelutan generasi akan datang, untuk menjadi Bapa Rohani kepada mereka, serta membimbangi mereka apabila menghadapi cabaran dan godaan semasa berusaha menjalani hidup yang bermakna, utuh dan berhasil.
- Berdoa untuk belia yang takut akan Allah supaya bangkit dan mempengaruhi rakan sebaya mereka melalui cara-cara kreatif agar generasi selanjutnya akan bersemangat untuk Tuhan.
- Berdoa agar orang Sarawak rela menetap di negeri sendiri atau kembali dan memenuhi panggilan serta tujuan Allah bagi mereka.

Keadilan, Kesaksamaan, Kejujuran, Kebijaksanaan, Kesalihan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kita

Malaysia telah dibentuk setelah 122 tahun pemerintahan Kerajaan British dan Raja-Raja yang aman dan harmoni, yang diasaskan oleh prinsip-prinsip Kristian yang kuat berdasarkan Nine Cardinal Principles of Rule (Prinsip Pemerintahan Sembilan Cardinal). Apabila kita masuk ke dalam tahun ke-50 Malaysia, keperluan bagi kerajaan negeri yang salih lebih mendesak daripada dahulu. Keadaan hal ehwal orang Sarawak pada masa ini, terutama mereka yang tinggal di luar bandar, memerlukan pentadbiran negeri yang lebih efektif dan cekap dalam meningkatkan standard kehidupan penduduk. Kita memerlukan pemimpin yang kuat dan jujur untuk mengurus kekayaan sumber alam di negeri ini, dan pengagihan pendapatan yang lebih adil antara suku-suku kaum. Sudut pandangan bahawa ‘gereja dan politik tidak bercampur’ telah menimbulkan kekurangan penglibatan para pemimpin Kristian yang aktif dalam arena politik di Sarawak.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar orang Sarawak lebih menyedari serta membuat komitmen kuat terhadap peranan mereka dalam proses politik (dan sebagai pengundi yang bertanggungjawab) dalam perkembangan negeri.
 - Berdoa bagi sistem politik yang lebih aktif yang menjamin pentadbiran negeri yang adil dan sama rata.
 - Berdoa agar ada peningkatan dalam penglibatan orang Kristian untuk menguatkan pengaruh mereka dalam arena politik.
 - Berdoa agar ada pemimpin politik yang berani dan berdiri dengan teguh untuk menegakkan keadilan.
 - Berdoa agar Takut akan Allah menguasai mereka yang terlibat dalam sistem pentadbiran.
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Kemajuan Ekonomi

Ekonomi Sarawak sebahagian besarnya berdasarkan sumber alamnya yang amat luas. Sektor utama ekonomi adalah Perlombongan, Pembalakan, Pertanian, Pelancongan, Pembinaan, Pembuatan dan Perkhidmatan. Walaupun Sarawak diberkati dengan sumber alam yang berlimpah-limpah, bilangan orang miskin masih banyak dan hanya sedikit orang yang berpendapatan dalam peringkat pertengahan; masih banyak yang diperlukan untuk mempunyai ekonomi yang sihat.

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk keadaan bisnes yang lebih baik di Sarawak dengan sokongan Kerajaan melalui pendidikan, insentif, inisiatif dan infrastruktur.
 - Berdoa untuk lebih banyak peluang pekerjaan supaya menarik orang Sarawak yang terlatih secara profesional supaya balik dan membantu dalam memajukan negeri.
 - Berdoa agar pemikiran yang positif serta budaya kerja berubah dan membolehkan Sarawak menghadapi cabaran-cabaran global masa kini.
 - Berdoa supaya ada kemahiran, pembiayaan dan pengetahuan untuk memajukan bisnes di luar bandar.
 - Berdoa untuk lebih banyak perniagaan ‘Kerajaan’ yang dapat membantu ekonomi tempatan.
 - Berdoa untuk Orang Kristian Profesional, Pemilik Perniagaan dan Pekerja supaya mengusahakan transformasi ekonomi di Sarawak.
-
-
-
-
-
-

Melangkah Masuk ke Dalam Misi Global

Pertumbuhan dan perkembangan agama Kristian di Sarawak berpunca daripada komitmen para mualigh daripada berbagai-bagi denominasi gereja dari seberang laut. Terdapat banyak permulaan yang sederhana dan ini bermula dengan cara-cara yang paling asas untuk memberkati masyarakat – terutamanya melalui pendidikan dan perkhidmatan perubatan.

Banyak orang berpengaruh di Sarawak, baik di sektor awam maupun sektor swasta, telah dididik dalam sekolah misi. Tentu sekali hal ini adalah hasil daripada komitmen dan pengorbanan para mualigh yang mulamula. Pada masa itu, dua bulan diperlukan untuk belayar dari negara mereka sehingga sampai ke pantai Sarawak.

Tibalah masanya bagi gereja-gereja di Sarawak untuk bangkit dan mendapat visi Yesus bagi bangsa-bangsa. Dunia sudah menjadi lebih kecil kerana penerbangan, dan hubungan komunikasi dari satu bahagian dunia yang jauh dapat diterima dalam beberapa saat sahaja!

*Ya Allah, kasihanilah dan berkatilah kami; pandangkanlah kami dengan senang hati, supaya seluruh dunia mengetahui kehendak-Mu, dan semua bangsa mengetahui penyelamatan-Mu.
Mazmur 67:2-3*

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk rahmat dan berkat Allah atas gereja-gereja di Sarawak supaya dapat mengutus lebih banyak mualigh dan pemula gereja dari Sarawak.
 - Berdoa agar ada kegembiraan yang sungguh dan kemenangan peribadi di gereja-gereja Sarawak untuk menjadi tempat melancar ke dalam misi dunia.
 - Berdoa untuk berkat-berkat berkelimpahan di gereja-gereja Sarawak agar sumber-sumber yang banyak dapat diberikan untuk misi dunia.
-
-
-
-
-

Ke Arah Pengurangan Kemiskinan

Kemiskinan menghalang orang daripada mendapatkan keperluan asas dan kebajikan mereka. Kemiskinan merosakkan seseorang dan unit keluarganya. Banyak orang miskin adalah wanita yang menjadi ketua tunggal bagi keluarga mereka. Kemiskinan yang tidak dikawal akhirnya menuju kepada kehancuran masyarakat. Kemiskinan boleh digambarkan seperti dosa yang merosakkan tubuh dan akhirnya jiwa. Seajar dengan tahun Jubli yang akan datang di negara kita, gereja yang menjadi seperti tubuh Kristus yang memberikan penebusan, harus terus berdoa untuk melawan kemiskinan dan bertindak untuk membuang penghalang orang daripada memperoleh pendapatan cukup. Dengan berbuat demikian, gereja membantu orang yang miskin dan tiada harapan dan juga menaikkan status sosial mereka bagi pemulihan dan kebajikan.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar Tuhan akan mematahkan serta menghapuskan kitaran kemiskinan di Malaysia.
 - Berdoa agar kerajaan akan sentiasa memperhatikan kepentingan orang miskin.
 - Berdoa agar gereja akan meneruskan perbuatan baiknya untuk menangani punca kemiskinan.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Membebaskan Orang yang Ditindas

Masyarakat minoriti seperti Orang Asli dan penduduk asal Sabah dan Sarawak sudah lama diabaikan. Bagi Orang Asli, banyak yang tidak mempunyai geran tanah dan menghadapi risiko kehilangan tanah mereka. Kita juga mengetahui bahawa ramai yang telah menetap di tanah mereka selama berabad-abad daripada generasi kepada generasi seterusnya, tetapi tanah mereka tidak diakui sebagai tanah Orang Asli. Akibatnya, Orang Asli selalu menjadi mangsa penyalahgunaan, diskriminasi dan penindasan, sama ada secara agama, kaum atau ekonomi. Demikian juga, penduduk asal atau Bumiputera Sabah dan Sarawak menghadapi penyalahgunaan, diskriminasi dan penindasan yang sama. Menurut perlumbagaan, walaupun penduduk asal Sabah dan Sarawak mempunyai keistimewaan seperti orang Melayu untuk menerima beberapa keistimewaan, pada hakikatnya, sering kali hal yang berlaku bukan seperti itu.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar kerajaan akan mengakui hak-hak Orang Asli atas tanah mereka.
 - Berdoa agar pemimpin yang kuat akan bangkit antara Orang Asli untuk mewakili kaum mereka.
 - Berdoa untuk semua Orang Asli, dan bumiputera di Sabah dan Sarawak agar dapat menikmati hak-hak yang sama seperti orang Melayu.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Ke Arah Masyarakat yang Bebas Rasuah

Ketelusan Antarabangsa (Malaysia) telah mentakrifkan rasuah sebagai “penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk maksud keuntungan peribadi”. Menurut istilah Alkitab, rasuah merangkumi semua yang merosakkan dan membawa kepada kerosotan kerana dosa, sehingga mengakibatkan kematian kepada bangsa dan masyarakat. Ini termasuklah rasuah, kegiatan haram dan semua penipuan secara rahsia dan terbuka. Untuk tahun yang ketiga secara berturut-turut, Malaysia menyaksikan penurunannya dalam Indeks Persepsi Rasuah. Pada 2011, markah Malaysia 4.3 sedikit rendah berbanding 4.4 yang dicatat dalam 2010¹. Ia ketara lebih rendah daripada 4.9 yang menjadi aras kerajaan. Walaupun kesedaran orang awam terhadap rasuah dan kecurangan telah meningkat, belum cukup tindakan dibuat untuk melawan rasuah pada kadar yang besar. Ini termasuk amalan memberikan projek dan kontrak mega tanpa tender terbuka, akses terhad kepada maklumat sehingga mendorong perbuatan rahsia dan pertalian rapat antara bisnes dan politik di Malaysia.

Cadangan Doa:

- Berdoa bagi budaya kejujuran, ketelusan dan kemoralan supaya dipulihkan dan ditegakkan.
 - Berdoa agar kerajaan mempunyaikehendak dan tekad untuk menghentikan perbuatan menipu.
 - Berdoa bagi gereja untuk menjadi cahaya dalam kehidupan kita dan amalan sehari-hari agar kita menjadi contoh integriti etika kepada bangsa dan negara.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

¹ Indeks Persepsi Rasuah (CPI) adalah indeks komposit, gabungan undian yang menunjukkan kadar rasuah sektor awam sesebuah negara menurut persepsi. Indeks adalah spektrum daripada 1 yang bererti terburuk, ke 10 yang bererti terbaik.

Berdiri Melawan Sikap Tidak Toleransi Terhadap Agama

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua agama boleh diamalkan dengan aman dan harmoni, serta setiap orang mempunyai hak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya. Inilah hak setiap agama untuk mengurus hal-ehwal agamanya sendiri tanpa campur tangan dan pengaruh yang tidak sepatutnya daripada pihak lain. Beberapa peristiwa baru-baru ini telah menyatakan bahawa perkara ini tidak demikian. Pada hari ini, sikap tidak toleransi terhadap agama semakin meningkat. Pihak berkuasa dalam keagamaan hendak membatasi hak orang lain untuk mengakui dan mengamalkan iman mereka. Kini berbagai-bagi arahan dan syarat diletakkan atas pengikut agama-agama lain dalam hal amalan dan ketaatan mereka kepada iman masing-masing. Pihak berkuasa dalam keagamaan juga seolah-olah tidak menghormati institusi agama-agama lain dan berbuat apa saja mengikut keinginan mereka. Sikap dan cara hidup seperti itu tidak mewujudkan keharmonian, dan akhirnya menyebabkan perpecahan dalam masyarakat.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar kebebasan beragama berterusan di negara ini.
 - Berdoa agar sikap tidak bertoleransi terhadap agama lain dapat dihapuskan.
 - Berdoa agar Tuhan membebaskan mangsa perbuatan tidak bertoleransi terhadap agama lain.
 - Berdoa untuk gereja supaya berdiri teguh untuk melawan kejahatan ini.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Mengatasi Perkauman

Mengikut sejarah, politik di Malaysia selalunya diasaskan pada pembahagian kaum. Kita melihat hal ini dalam komposisi tiga parti komponen utama dalam pemerintahan gabungan yang dibentuk mengikut etnik dan bangsa yang berlainan. Selepas beberapa tahun, perkara ini telah menyebabkan masyarakat Malaysia terbahagi-bahagi dan tidak pula menjadi bangsa yang bersatupadu. Walaupun tokoh-tokoh yang membentuk negara Malaysia bercita-cita agar warganegara tanah ini dan pelbagai masyarakat etnik bersatu dan mengaku diri sebagai pertama-tama “orang Malaysia” dan tidak mengikut kaum, namun hakikatnya adalah cita-cita ini masih suatu impian, bukan kenyataan. Masanya sudah sampai bagi negara ini untuk meninggalkan pemikiran yang sempit dan cetek seperti itu dan berfikiran lebih luas yang benar-benar mewakili identiti serta keinginan keseluruhan orang Malaysia.

Cadangan Doa:

- Berdoa agar tahun Jubli menyatupadukan berbagai-bagai masyarakat.
 - Berdoa agar gereja menjadi contoh bagi kesatuan dan keharmonian seperti itu di negara ini.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Merayakan Malaysia yang Benar-Benar Merdeka dan Bebas!

Mazmur 103:6-12 mengisyiharkan bahawa Tuhan berlaku benar dan adil bagi semua orang yang ditindas. Dia berbelas kasihan, tidak cepat murka dan berlimpah dalam kasih. Dia tidak bertindak sesuai dengan dosa kita atau membalaik kita menurut kesalahan kita, kerana kasih-Nya yang teguh adalah setinggi langit, terhadap orang yang takut akan Dia. Agar tahun Jubli menjadi kenyataan untuk negara, gereja perlu menyerahkan destini negara ini kepada Tuhan. Kita mesti mengakui bahawa Tuhan kita ialah Allah yang berdaulat yang penuh kasih dan belas kasihan, namun Dia juga benar dan adil. Inilah yang menjadi dasar harapan Jubli kita dan bagi Malaysia yang benar-benar merdeka dan bebas. Semasa kita memuji dan menyembah Tuhan untuk perkara ini, kita boleh percaya dan bersandar kepada-Nya sebagai satu-satunya yang membawa perdamaian, penebusan dan pemulihan kepada semua yang masih tersesat di Malaysia dan untuk umat-Nya. Dan semasa kita mengalami penebusan dan pemulihan, kita juga mengalami kasih, belas kasihan dan kebaikan-Nya!

Cadangan Doa:

- Berdoa untuk gereja agar meletakkan keyakinan sepenuhnya kepada Allah.
 - Berdoa untuk maksud Allah yang berdaulat agar dipenuhi.
 - Berdoa agar Malaysia akan masuk ke dalam tahun Jublinya.
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-

Perayaan HARAPANJubli di Seluruh Negara

16 September 2012

Gereja Tempatan

Kami ingin menjemput gereja-gereja tempatan untuk mengasingkan Ahad ini untuk menyambut dan mengisytiharkan sambil berdoa apabila negara kita masuk ke tahun Jublinya. Contoh khutbah, pengisytiharan dan senarai doa akan disediakan di laman web kami untuk dirujuk.

Seluruh Bandar

Pada pukul 7 petang, kita akan merayakan tahun jubli negara kita di seluruh negara di setiap bandar secara serentak. Anda semua dijemput ke perayaan ini. Tempat-tempat bagi perayaan seluruh bandar ini boleh didapati di laman web kami.

**Laman web, emel dan nombor telefon kami boleh didapati di bahagian belakang buku doa ini. Bagi pekan-pekan dan bandar-bandar yang ingin terlibat dalam perayaan ini, sila berhubung atau tulis kepada kami.*

Acara yang akan Datang

- | | |
|----------|---|
| Oktober | Bulan Penghargaan Pastor |
| November | Hari Doa Sedunia untuk Gereja Yang Teraniaya (13 Nov) |
| | Konferensi Doa Kanak-Kanak Peringkat Nasional (15-16 Nov) |

Penghargaan

Ucapan terima kasih khas kepada:

Persekutuan Pastor Kota Kinabalu – Harapan Jubli untuk Sabah

Persekutuan Pastor Kuching – Harapan Jubli untuk Sarawak

Ps Dr Lew Lee Choo – Roh Elia & Harapan Jubli

Nicole Tang – Perisai Doa Pastor

Semua petikan Alkitab diambil daripada Alkitab Berita Baik, 2001, The Bible Society of Malaysia.



Disediakan & disusun oleh NECF Malaysia
32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel:03-77278227 Fax:03-77291139
Email:prayer@necf.org.my
www.necf.org.my